

Malaysia MADANI: *An Overview*

Pemahaman anda berkenaan Malaysia MADANI



Sangat
tidak
faham

Skala 1 hingga 10

Sangat
faham

SKOP SESI

01

OBJEKTIF SESI

02

KONSEP

03

NILAI TERAS

04

**DIMENSI PASCA
NORMAL**

05

ELEMEN UTAMA

06

SASARAN

01

OBJEKTIF SESI

OBJEKTIF SESI

Pada akhir sesi, berdasarkan buku SCRIPT / Membangun Negara MADANI peserta akan dapat:

■ **01** Menerangkan konsep Malaysia Madani

■ **02** Menyenaraikan enam (6) nilai teras Malaysia Madani

■ **03** Menerangkan lima (5) dimensi pascanormal dalam pembentukan dasar

■ **04** Menyenaraikan lapan (8) elemen utama Malaysia Madani

SCRIPT

For a Better Malaysia

An Empowering Vision
and Policy Framework for Action

Anwar Ibrahim

Membangun Negara

MADANI

Visi dan Kerangka
Dasar Reformasi

ANWAR IBRAHIM

 Institut
Darul
Ehsan

02

KONSEP MALAYSIA MADANI

TAKRIFAN

“Malaysia MADANI ialah sebuah Negara yang memiliki **KEMAJUAN** yang seimbang dari segi **PEMIKIRAN, KEROHANIAN** dan **KEBENDAAN** berteraskan **NILAI-NILAI MURNI**”



MATLAMAT

“Membangun Malaysia menjadi sebuah negara yang **MAMPAN, SEJAHTERA, BERDAYA CIPTA, SALING MENGHORMATI** serta bersikap **IHSAN** berdasarkan **KEYAKINAN** antara satu sama lain serta **KEPERCAYAAN** antara kerajaan dan rakyat atas dasar ketelusan dan kerjasama.”



LOGO




Jalur
Lima jari dengan jalur merah putih merupakan simbolisme kepada Rukun Negara, asas ideologi Malaysia

Bulatan
Bulatan berwarna biru menandakan kebulatan, muafakat dan perpaduan di kalangan rakyat

Bulan Sabit
Bulan merupakan simbol agama Islam sebagai agama Persekutuan

Bintang
Bintang berbucu 14 menandakan perpaduan di kalangan 13 buah negeri dan Wilayah Persekutuan

Warna Biru	Kesatuan nasional, keterangkuman dan persaudaraan	Warna Merah	Keberanian, jati diri dan keazaman
Warna Kuning	Nilai tradisi, kebudayaan dan kearifan tempatan	Warna Putih	Keluhuran budi, kesucian hati dan hasrat murni

RASIONAL DI SEBALIK LOGO MALAYSIA MADANI

NARATIF MALAYSIA MADANI OLEH YAB PERDANA MENTERI




Konsep MADANI dirangka sebagai ikhtiar untuk **memetakan strategi bagi mentadbir negara** dengan berkesan, bertunjangkan empat (4) Teras Strategik Utama iaitu:


- I. Membina Semula Ekonomi
- II. Menjamin Kesejahteraan Insan
- III. Reformasi Institusi Demokrasi dan Perundangan
- IV. Mewujudkan Pentadbiran Beramanah

Dicetuskan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim untuk mengemudi serta mengangkat martabat dan kegemilangan negara ke persada dunia.

NARATIF MALAYSIA MADANI OLEH YAB PERDANA MENTERI



DEFINISI MADANI (Harfiah Arab)



Maju dari segi pemikiran, kerohanian dan kebendaan (berkenaan masyarakat, generasi dan sebagainya), usaha membentuk masyarakat – dengan menyemaikan nilai-nilai murni kekeluargaan. Manhaj itu terarah kepada pembinaan masyarakat.

~ Kamus Dewan Edisi Keempat~

DEFINISI MADANI

~ malaysiamadani.gov.my ~

MADANI merupakan **sinthesis gaya Malaysia**, yang menggabungkan **jalin amalan sedia ada dengan kaedah baru** yang direka untuk menangani isu-isu baru dan ketidakpastian.

Enam nilai teras MADANI dicerakin sebagai **kerangka dasar dan falsafah yang berkait rapat dan bersepadu**, dengan setiap satu menguatkan yang lain.

MADANI diilhamkan berdasarkan konsep **kesediaan menerima perubahan**, dengan **mengambil kira saranan segenap lapisan masyarakat** dengan hasrat pemulihan melalui Reformasi substantif demi **Malaysia yang lebih maju dan makmur**.




DEFINISI MADANI

Sayugia seorang pemimpin itu membentangkan permaidani **keadilan** buat **rakyatnya**, menegakkan khemah **keselamatan** dan mengibarkan panji kesabaran yang bergemerlapan buat mereka. Beliau harus membiarkan sungai-sungai **kebajikan** mengalir, **menahan tangan-tangan zalim** daripada menyentuh mereka, sambil membasahi mereka dengan amalan mulia. Sifat yang terpenting harus ada padanya adalah keadilan.

- Shihab al-Din Ahmad al-Nuwayri,
Nihayat al-Arab fi Funun al-Adab -



DEFINISI MADANI



Pengertian Madani dalam kaitannya dengan din ialah kehidupan abadi yang bertatasusila, yang luhur-kehidupan bermasyarakat yang teratur, tertib dalam kawalan hukum dan undang-undang serta kuatkuasa keadilan dan hikmat kewibawaan.


~Syed Muhammad Naquib Al-Attas ~
Cendekiawan dan Ahli Falsafah Islam

Masyarakat madani yang jelas menekankan martabat kuasa dan peran serta rakyat itu hanya akan terlaksana dalam masyarakat yang celik dan terdidik. Tanpa budaya ilmu yang kuat, rakyat akan selamanya diperalat oleh pihak-pihak yang lebih kuat, termasuk para penguasa yang selalu mengambil peluang menikmati kebodohan rakyat.

- Siddiq Fadzil -
- *Ahli Akademik*



VISI MALAYSIA MADANI



Untuk membangun tanah air yang lebih mampan dan makmur berteraskan ruh daya cipta, nilai hormat, keyakinan dan ihsan, di mana keterangkuman dan kesaksamaan menjadi teras utamanya - yakni sebuah masyarakat Malaysia yang adil.



malaysiamadani.gov.my

Mencorak masa hadapan Malaysia dengan segala potensi yang ada dengan mengambil kira segala bentuk perubahan yang mengubah dunia, dan bercita-cita mengemudi Malaysia dalam zaman pasca normal yang serba rumit melalui laras bahasa, konsep dan budaya kearifan tempatan.

OBJEKTIF MALAYSIA MADANI



Untuk melahirkan dan memampkan nilai individu masyarakat Malaysia bagi mencapai kesejahteraan dan kemakmuran menerusi tiga (3) keutamaan:

Keutamaan 1: Membasmi kemiskinan

Keutamaan 2: Penstrukturan semula ekonomi

Keutamaan 3: Memulih dan menjana ekonomi

KERANGKA MALAYSIA MADANI



03

NILAI TERAS MALAYSIA MADANI

6 NILAI TERAS:



6 NILAI TERAS:





AMANAT PERDANA MENTERI
YAB DATO' SERI ANWAR IBRAHIM

MEMBANGUN MALAYSIA

MADANI

19 JANUARI 2023 | 26 JAMADIL AHWAL 1444H (KHAMIS)
PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA (KICC)

MADANI

KEMAMPANAN (*Sustainability*)

Kemampanan mensyaratkan kesejahteraan dan keseimbangan, dengan pengertian saling menghormati dan mengasihi sesama manusia, dan juga terhadap alam sekitar termasuk haiwan dan tumbuhan. Ia lebih daripada sekadar pemeliharaan alam sekitar tetapi juga soal memelihara kebajikan haiwan dan mutu kehidupan manusia.

Visi kami:

Untuk membangun tanah air yang lebih mampan di mana **keterangkuman dan kesaksamaan menjadi teras utama**

Yakni sebuah masyarakat Malaysia yang adil.



M A D A N I

KESEJAHTERAAN (*Prosperity*)

Kalimat sejahtera sering membawa makna keseimbangan, atau lebih tepat lagi kehidupan dan segala sisinya yang terangkum dalam keseimbangan. Mewujudkan kesejahteraan rakyat justeru haruslah mengambil kira sikap yang baik dan mampan.

Visi kami:

Mewujudkan sebuah negara sejahtera, seimbang antara pertumbuhan ekonomi yang mampan dan amalan kerohanian

Memperkasa semua rakyat Malaysia tanpa mengira agama, kaum dan latar belakang



M A D A N I

DAYA CIPTA (*Innovation*)

Kalimat daya cipta mengandungi beberapa konotasi, antaranya pembaharuan, reka cipta dan reka baharu. Rekaan itu sendiri merupakan teras utama daya cipta. Perbuatan mereka sesuatu boleh difahami sebagai tindakan mengubah secara kreatif.

Visi kami:

**Membudayakan daya
cipta** dalam kalangan
masyarakat

Daripada semata-mata
**pengguna kepada
penyumbang** yang aktif
mencorak revolusi digital
dan teknologi



Visi kami:

Membentuk sebuah
**masyarakat Malaysia
yang adil** - saling
menghormati,
berdedikasi, punyai
nilai kesaksamaan,
dan berintegriti
tinggi.

M A D A N I

HORMAT (*Respect*)

Kalimat hormat mengandungi konotasi maruah manusia. Suatu kalimat lain yakni adab, yang berasal daripada bahasa Arab, mengandungi yang sama konotasi seperti budi bahasa, kesopanan dan ketawadukan, dan dilihat bukan semata sebagai asas kepada tingkah laku tetapi juga sebagai asas kepada sebuah peradaban.



M A D A N I

KEYAKINAN (*Trust*)

Keyakinan punyai kaitan yang erat dengan amanah, yakni suatu ikrar pertanggungjawaban moral duniawi dan ukhrawi. Amanah menjadi unsur pokok yang bertanggungjawab menjamin ketenteraman dalam banyak masyarakat sepanjang sejarah.

Visi kami:

Usaha-usaha untuk
**memulihkan semula
keyakinan terhadap negara**
- membangunkannya semula
serta

**Menguukuhkan perpaduan
dan kerjasama antara
kerajaan dan rakyat**
termasuklah individu,
keluarga, masyarakat, dan
semua pertubuhan yang
berdiam dalam negara ini.

Asas kepada masa hadapan
yang lebih baik di Malaysia



MADANI

IHSAN (*Care and Compassion*)

Ihsan merupakan sinonim dengan makna peduli dan belas kasihan. Demikian, mengasihi orang lain - keluarga, sahabat handai, jiran tetangga dan masyarakat secara keseluruhannya, terutamanya kelompok minoriti. Perasaan ihsan itu adalah soal menyelami penderitaan dan kemelaratan orang lain, lalu berusaha untuk mencari jalan bagi mengubatnya.


Visi kami:

Bukanlah setakat mempedulikan golongan yang kurang bernasib baik, malah turut memberdaya seluruh rakyat melalui:

- ❑ penyediaan keperluan asas yang mencukupi,
- ❑ makanan seimbang,
- ❑ perumahan mampu milik,
- ❑ penjagaan kesihatan dan perkhidmatan yang bersesuaian, dan
- ❑ sokongan berterusan untuk golongan yang miskin dan terpinggir.

04

DIMENSI PASCA NORMAL



Kerumitan (*Complexity*)



Mekanisme yang perlu
difikirkan untuk mengatasi
kerumitan yang muncul
melalui penyelesaian yang
ringkas

Percanggahan (*Contradictions*)




Def - pandangan yang saling bertentangan dan tidak dapat disatukan.

Hadir dalam bentuk risiko, justeru harus difikirkan apakah jenis risiko yang boleh dijangkakan, serta bagaimana untuk menyingkirkan segala halangan



Kekacauan (*Chaos*)




Keserentakan (*simultaneity*)

Dasar yang rumit perlu pendekatan serentak di sektor, institusi dan pertubuhan (kerajaan, swasta, pertubuhan masyarakat, sukarelawan dan NGO)



Perubahan
postnormal
berlaku pada
kadar yang
semakin pantas
dan pada
kelajuan tinggi



Cenderung
kepada skop
global dan boleh
memberi kesan
mendalam,
mencatatkan
kesannya pada
skala paling kecil



Menimbulkan
pelbagai masalah
dan isu yang
berbeza muncul
pada masa yang
sama dan perlu
dilihat dalam
dimensi global
dengan segera



Menyebabkan
terdapat
banyak
ketidakpastian


PERKARA YANG PERLU DIAMBIL KIRA ✓

MASA DEPAN DAN PERUBAHAN

- Dasar yang dibuat perlu sedia menghadapi perubahan yang pantas
- Perubahan akan menjadikan dasar itu lewah (berlebih-lebihan)
- Beradaptasi dengan perubahan



05 ELEMEN UTAMA MALAYSIA MADANI



ELEMEN UTAMA



1. EKONOMI

Ekonomi Malaysia merupakan campuran antara sektor pertanian, industri & perkhidmatan, bergantung kepada eksport dan turut memperoleh manfaat daripada aktiviti pelancongan serta pelaburan asing.



2. PERUNDANGAN

Perundangan Malaysia merangkumi undangundang dan peraturan yang mengawal dan menguruskan kehidupan sosial, ekonomi dan politik di negara ini, termasuklah Perlembagaan Persekutuan dan pelbagai undang-undang lain.



3. INSTITUSI

Beberapa institusi kerajaan dan swasta di Malaysia termasuk institusi kewangan, pendidikan, perubatan, perindustrian, perniagaan, kebajikan, dan banyak lagi adalah antara elemen utama dalam usaha membangun Malaysia Madani.



4. PENDIDIKAN

Sistem pendidikan di Malaysia terdiri daripada sekolah rendah, menengah, dan tinggi, yang mencakupi pelbagai tahap pendidikan seperti prasekolah, rendah, menengah, persediaan, dan perguruan tinggi.

ELEMEN UTAMA (SAMB.)



5. KEBUDAYAAN

Kebudayaan di Malaysia sangat pelbagai dan kaya dengan pengaruh dari pelbagai etnik dan agama seperti Melayu, Cina, India dan lain-lain.

Terdapat juga budaya tempatan seperti seni tari, muzik dan masakan.



6. KEMASYARAKATAN

Kemasyarakatan di Malaysia merujuk kepada hubungan dan interaksi sosial dalam masyarakat yang beragam etnik, agama, budaya dan latar belakang yang saling berkaitan dalam pembangunan sosial dan ekonomi negara.



7. BANDAR

Bandar di Malaysia merujuk kepada kawasan perbandaran yang mempunyai populasi yang padat, infrastruktur moden dan memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi dan sosial negara.




8. DESA

Desa di Malaysia merujuk kepada komuniti kecil yang terletak di kawasan desa dan biasanya melibatkan aktiviti pertanian, perikanan, atau pembuatan barang kraftangan. Desa juga mempunyai budaya dan tradisi yang unik & pelbagai.

06

SASARAN MALAYSIA MADANI

(a) Kerumitan
(b) Percanggahan
(c) Kekacauan



(d) Keserentakan
(e) Masa Hadapan dan Perubahan

DASAR

01

PEMANTAUAN

Satu mekanisme untuk mendapatkan maklum balas

Bagaimana memastikan satu dasar berhubung di setiap peringkat.

Memastikan isu yang melibatkan percanggahan, kerumitan dan keserentakan dapat ditangani dengan baik.

02

INSTITUSI PEMBERDAYAAN

Penglibatan aktif dalam memperbaharui institusi penting bagi menghadapi kerumitan, kekacauan dan percanggahan menjadi kunci dalam membangun dasar

Ada soalan?



Bagaimana kefahaman anda selepas tamat sesi?



Sangat
tidak
faham

Skala 1 hingga 10

Sangat
faham

Sekian, terima kasih.

Institut Tadbiran Awam Negara | INTAN